

Kejayaan anjur F1 harumkan nama Malaysia

BH 22 OCT 2000

KUALA LUMPUR: Malaysia yang sekali lagi menjadi tuan rumah perlumbaan berprestij Formula Satu (F1) diharap terus meletakkan negara di persada arena antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, acara itu yang berjaya menjadikan Malaysia tumpuan dunia, dianggap satu keistimewaan kerana bukan mudah menganjurkan acara besar seumpama itu.

"Menerusi Formula Satu, Malaysia berharap terus memberi kesan di peringkat antarabangsa dan di litar perlumbaan itu sendiri dalam tempoh terdekat.

"Kita kini menghampiri pusingan akhir kejohanan yang amat menarik. Musim pertama alaf baru dan Malaysia berbangga untuk terus menjadi sebahagian acara berprestij dunia ini.

"Kita akan terus meningkatkan usaha bagi menjamin Formula Satu meneruskan acara ini di Malaysia," katanya dalam kata-kata aluan buku cenderamata sempena kejohanan tiga hari itu yang berakhir hari ini.

Dr Mahathir dijangka menyaksikan perlumbaan Grand Prix Malaysia Petronas itu di Litar F1 Sepang hari ini. Acara itu dijangka disaksikan oleh ribuan peminat sukan itu di seluruh dunia melalui siaran langsung.

Malaysia kali pertama menganjurkan pertandingan itu tahun lalu, sehingga mendapat pengiktirafan sebagai penganjur terbaik Grand Prix 1999 oleh Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA).

Beliau berkata, perlumbaan F1 di litar Sepang tahun lalu kejayaan besar yang dianjurkan Malaysia.

Katanya, Malaysia sekali lagi menunjukkan pencapaiannya kepada dunia, hasil dedikasi, komitmen tegas, wawasan jauh serta sentiasa bersedia menghadapi cabaran baru.

"Ia pencapaian besar yang dicapai dengan usaha bersungguh-sungguh semua rakyat Malaysia," katanya.